

MPC(CRO)700-4/1/30(2020)

6 April 2020

Encik Nazari Haron

Nasdiq Manufacturing Consultant

713, S2-F18, Gardens Homes,

Seremban 2, 70300 Seremban,

Negeri Sembilan.

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM
PENGURUSAN LEAN DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI
VENDOR (PPKV)-MED UNTUK SYARIKAT MEDITECH GLOVES SDN BHD**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik **Nasdiq Manufacturing Consultant** untuk pelaksanaan program seperti dinyatakan di atas. Untuk pengetahuan pihak tuan, di dalam program ini tuan dikehendaki melaksanakan aktiviti taklimat, latihan, dan khidmat nasihat bagi membolehkan vendor ini berjaya menamatkan Projek Pembangunan Sistem Lean dengan jayanya.

3. Pelantikan tuan untuk melaksanakan Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Lean bagi vendor ini adalah mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** yang mengambil masa antara **4 hingga 6 bulan** bermula April 2020 hingga September 2020. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran profesional, penginapan dan perjalanan melaksanakan tugas bagi program ini sebanyak **RM14,600**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 3**.

4. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima seperti di **Lampiran 4** kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak tuan dalam menjayakan Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Lean.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSMI BIN ABDULLAH)
Pengarah
Pejabat Wilayah Tengah (CRO)
b.p. Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

1.0 Skop Kerja Projek

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak **Nasdiq Manufacturing Consultant** (perunding). Adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk membantu syarikat dalam Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Lean secara efektif melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah

Carta Perbatuan Projek **Meditech Gloves Sdn Bhd**

AKTIVITI	2020					
	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP
Taklimat & Diagnostik (1/2 hari) • Lean Health Check (Pre-Assesment) • Taklimat Pengurusan						
Latihan 1 (2 hari) • Kursus <i>Value Stream Mapping</i>						
Latihan 2 (2 hari) • Kursus Tools & Techniques						
Perundingan Projek 1 (1 hari)						
Perundingan Projek 2 (1 hari)						
Perundingan Projek 3 (1 hari)						
Perundingan Projek 4 (1 hari)						
Perundingan Projek 5 (1 hari)						
Penilaian Akhir • Lean Healthcheck (Post-Assesment) • Pembentangan Akhir Projek						

*Tertakluk kepada perubahan

2.0 Syarat Pelantikan

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem;
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
3. Kadar bayaran untuk kursus/latihan ialah **RM1,700 sehari**;
4. Kadar bayaran untuk taklimat & lawatan perundingan ialah **RM1,300 sehari**;
5. Bersetuju dengan syarat-syarat 3 dan 4 di atas sebagai pakej yuran khidmat profesional termasuk perbelanjaan lain iaitu **perjalanan dan penginapan untuk kursus tersebut**;
6. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek (fasa) yang akan ditawarkan;
7. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik;
8. Perunding perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
9. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
10. Perunding hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
11. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut;
12. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada perunding;
13. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak perunding (sekiranya berkenaan); dan
14. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi.

* *Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.*

3.0 Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh perunding*:

1.	4 Hari Latihan @ RM 1,700 sehari	RM 6,800
2.	6 Hari Taklimat / Perundingan @ RM1,300 hari	RM 7,800
Jumlah Keseluruhan		RM14,600

* Jumlah bersih termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan material program.

4.0 Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran

Bil	Aktiviti	Jumlah Hari	Yuran (RM)	Yuran Keseluruhan (RM)
1	Taklimat & Diagnostik • Lean Health Check (Pre-Assessment) • Taklimat Pengurusan	½	1,300	650
3.	Latihan : Pengurusan Lean (VSM)	2	1,700	3,400
Jumlah Bayaran Fasa 1				4,050
4.	Latihan: Tools & Techniques	2	1,700	3,400
5.	Perundingan Projek 1,2	2	1,300	2,600
Jumlah Bayaran Fasa 2				6,000
6	Perundingan Projek 3,4,5	3	1,300	3,900
7	Post-Assesment dan Persembahan Akhir Projek	1/2	1,300	650
Jumlah Bayaran Fasa 3				4,550
Jumlah Bayaran Keseluruhan				14,600

Ruj. Tuan: MPC(CRO)700-4/1/30(2020)

___ / April / 2020

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
P.O. Box 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
(U.P.:Rosmi Abdullah)

Faks : 03-7955 1824

Tuan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK
PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN LEAN DI BAWAH PROGRAM
PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR (PPKV)-MEDAC BAGI SYARIKAT
MEDITECH GLOVES SDN BHD**

Saya,_____ mewakili pihak syarikat **Nasdiq Manufacturing Consultant** ,no. K/P:_____bersetuju dilantik sebagai perunding Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Lean untuk syarikat **Meditech Gloves Sdn Bhd** yang bernilai **RM14,600** dalam tempoh **April 2020 hingga September 2020 (6 bulan)**. Saya memahami dan akan mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :